

21 JUL 2003

PERTANIAN-TUMBUH/I

SEKTOR PERTANIAN BERPOTENSI LEBIH BAIK DRPD SASARAN PERTUMBUHAN 1.5

PERATUS

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Sektor pertanian berpotensi untuk berkembang dengan lebih baik daripada sasaran pertumbuhan 1.5 peratus oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi tahun ini berikutan dana yang diperuntukkan di bawah pakej rangsang ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mei lepas.

Menurut BNM, sektor pertanian yang termasuk pertanian, perhutanan dan perikanan, berkembang sebanyak 0.3 peratus pada 2002.

"Jika kita bekerja keras dan mendapat orang yang faham bahawa pakej ini berdaya maju kepada mereka, saya rasa kita akan dapat mencapai atau malah melebihinya (sasaran pertumbuhan)," kata Menteri Pertanian Datuk Dr Mohd Effendi Norwawi hari ini.

Dalam masa tiga hingga enam bulan akan datang, beberapa perkembangan yang ketara dijangka dilihat dalam sektor pertanian, katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar mengenai "Peluang-peluang Perniagaan dan Taklimat mengenai Pakej Rangsang Ekonomi Bagi Sektor Pertanian" di sini.

Kerajaan menyalurkan RM500 juta kepada Bank Pertanian Malaysia bagi membantu usahawan kecil dan sederhana di bawah skim kredit mikro.

Sehingga 13 Julai, 2003, Bank Pertanian telah meluluskan 9,724 permohonan bernilai RM121.90 juta melebihi sasarannya sebanyak RM100 juta dalam masa tiga bulan pertama sejak pakej berkenaan diumumkan.

Kerajaan memperuntukkan RM200 juta lagi kepada dana Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), yang di bawah seliaan Bank Pertanian, dan RM300 juta lagi kepada Bank Simpanan Nasional bagi membiayai projek-projek yang bukan berkaitan pertanian.

Kerajaan juga memperuntukkan RM1 bilion kepada Dana Untuk Makanan (3F) dan sektor pertanian serta Dana Industri Kecil dan Sederhana yang ditubuhkan pada 1998, kini mempunyai RM3.7 bilion termasuk tambahan RM600 juta di bawah pakej rangsangan.

Mohd Effendi berkata kementerian dan agensi-agensinya di bawahnya akan ke seluruh negara bagi menjelaskan mengenai skim kredit mikro kepada orang ramai memandangkan terdapat kekurangan maklumat, terutamanya kawasan luar bandar.

"Buat masa ini, orang ramai biasa dengan pelbagai jenis kredit, terutamanya di kawasan luar bandar, mereka biasa dengan orang tengah. Kita perlu memastikan mereka melalui saluran yang betul di mana terdapatnya ketelusan dan keadilan kepada mereka," katanya.

Beliau berkata usahawan perlu menyemak semula projek-projek mereka dan menjalankan kajian kemungkinan mengenai apa yang perlu mereka lakukan bagi menaik taraf dan memperluaskan perniagaan atau projek mereka dengan menggunakan maklumat terkini.

Beliau mencadangkan agar mereka menggunakan pusat pembangunan perniagaan di kementerian yang mempunyai maklumat yang banyak termasuk model kajian kemungkinan.

Dengan menggunakan teknologi terkini, beliau berkata para usahawan akan dapat mengeluarkan produk yang kompetitif dari segi kos dan kualiti.

Beliau berkata usahawan perlu memastikan projek mereka mempunyai aliran tunai yang mencukupi supaya mereka dalam membayar balik pinjaman mereka.

Semasa menjelaskan mengenai dana 3F, Mohd Effendi berkata: "Kita mahu RM1 bilion yang diperuntukkan kepada 3F digunakan. Tetapi perlu saya nyatakan bahawa kadar pengambilan bagi pinjaman itu tidak banyak berbanding

sebelumnya."

Beliau berkata Kementerian Pertanian bimbang dengan kadar pengambilan berkeñaan yang agak lembap.

"Dengan itu, kami mengharapkan maklum balas daripada orang ramai mengenai masalah yang mereka hadapai dalam mendapatkan pinjaman," kata beliau.

Pada majlis hari ini, beliau berkata kementerian gembira dengan tindakan Kelab Usahawan Tani Malaysia dan Dewan Usahawan Industri Desa Malaysia yang mengambil inisiatif untuk menjelaskan mengenai pakej rangsangan berkeñaan kepada anggotanya.

Beliau berkata Kementerian Pertanian juga mengambil peluang untuk memaklumkan para peserta mengenai peluang pelaburan yang terdapat dalam negara.

-- BERNAMA

SM TJK NHD